



## NASIONAL

### Semak semula kelayakan penerima bantuan

20 JUN 2017



Datuk Seri Azalina Othman Said

BANGI - Jabatan Bantuan Guaman (JBG) perlu mengkaji semula kelayakan pihak yang memohon menggunakan bantuan mereka agar perkhidmatan hanya diberi kepada golongan yang memerlukan, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azalina Othman Said.

Beliau berkata, antara kumpulan sasar yang layak menerima bantuan itu ialah penerima Bantuan Rakyat 1Malaysia dan e-Kasih.

"Bantuan guaman sekarang diberi mengikut kiraan pendapatan. Bagi saya kiraan itu perlu dikaji. Tidak boleh (diberi) kepada orang yang berkemampuan, tetapi tidak mahu guna khidmat peguam swasta kerana kos lebih tinggi," katanya pada sidang media selepas merasmikan Konvensyen Bantuan Guaman di sini, hari ini.

Turut hadir Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali.

Azalina berkata, cadangan khidmat guaman kepada yang memerlukan itu adalah satu daripada usaha mentransformasi skim perkhidmatan bantuan guaman di bawah JBG yang ditubuhkan untuk memberi khidmat nasihat undang-undang dan bantuan guaman kepada golongan layak dibantu seperti yang ditetapkan di bawah Akta Bantuan Guaman 1971.

Katanya, mereka yang layak dibantu akan menerima bantuan guaman dalam bentuk nasihat selain dalam bentuk representasi di mahkamah yang diberikan percuma atau dikenakan bayaran minimum yang ditetapkan mengikut ujian kelayakan.

Berdasarkan statistik pendaftaran kes setakat suku pertama tahun ini, 50 hingga 70 peratus kes dikendalikan JBG adalah kes-kes syariah yang kebanyakannya tuntutan penceraian, kata Azalina.

Sehubungan itu beliau mahu persepsi bahawa JBG hanya mengendalikan kes-kes penceraian dan kekeluargaan diperbetulkan.

"JBG harus melangkaui kes sivil dan jenayah. Banyak jenis kes yang boleh diwakili mereka yang memerlukan seperti kes melibatkan pekerjaan selain kes sivil, kes jenayah," kata Azalina.

Sementara itu, Azalina berharap konvensyen hari ini yang menekankan beberapa hala tuju

membentuk dasar-dasar bantuan guaman yang akan diterima pakai secara menyeluruh dan mengikut keperluan semasa.

Turut digariskan dalam konvensyen itu ialah cadangan supaya bantuan guaman hanya diberi kepada warganegara Malaysia, kata beliau. - Bernama

Kongsi berita ini:

## ARTIKEL BERKAITAN :

- Usaha pembangkang hanya sia-sia

18 MEI 2017



- Malaysia kaji mahkamah jenayah khas kanak-kanak

4 MEI 2017



- Mangsa bawah 16 tahun tetap dikategori rogol

5 APRIL 2017



- Dewan Rakyat lulus RUU kesalahan-kesalahan seksual

4 APRIL 2017



## DARI SELURUH LAMAN WEB

Sponsored Links

All that makes the Lion City great at the Amara Singapore  
Robb Report Malaysia

What if your language tutor was a 5-year-old?

Maxis